

# River Cruises Sungai Kuantan dihidupkan

SIDANG DEWAN  
UNDANGAN NEGERI  
PAHANG



Oleh **ZAMZURINA AHMAD**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ **KUANTAN 22 NOV.**

**P**ESISIRAN Sungai Kuantan terutama di sekitar jambatan Tanjung Lumpur di sini bakal dihidupkan semula dengan pelbagai tarikan untuk menarik lebih ramai pengunjung ke destinasi itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, pihaknya akan cuba menghidupkan kembali lokasi itu terutama River Cruises yang menawarkan pelbagai perkhidmatan dengan memberi contoh beberapa negara seperti Mesir.

"Perbincangan lanjut mengenainya bersama Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) untuk meningkatkan perkhidmatan di lokasi berkenaan akan diadakan.

"Apa yang penting perlu ada tarikan sama ada dalam bot atau di kedai-kedai sekitarnya kerana jika sekadar River Cruises sahaja tiada apa,"katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Rosli Abdul Jabbar (Pas-Tanjung Lumpur)** yang mahu kerajaan negeri



**ADNAN YAAKOB** ketika sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), di Wisma Sri Pahang, Kuantan, semalam. - **UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN**

*UTUSAN MALAYSIA 23/11/2017*

mewujudkan rumah bot sebagai tarikan di pesisir Sungai Kuantan selain River Cruises.

Sementara itu, Adnan memaklumkan sebanyak 8,069 usahawan muda dan desa terlibat dalam kursus dan latihan untuk memajukan digital ekonomi iaitu e-usahawan di negeri ini dalam tempoh Januari 2016 hingga September baru-baru ini.

Katanya, daripada jumlah tersebut sebanyak 2,855 peserta telah melaporkan jualan tambahan keseluruhan berjumlah lebih dari RM5.2 juta.

"Bagi program e-rezeki pula, bagi tempoh Januari 2016 hingga

September 2017 sebanyak 2,215 individu dilatih melalui pusat dan wakil yang dipertanggungjawabkan.

"Berdasarkan statistik tersebut sebanyak 399 atau 18 peratus telah berjaya menjana pendapatan dengan nilai terkumpul keseluruhan berjumlah RM67,365," jelasnya.

Beliau menjawab soalan **Choong Siew Oim (DAP-Tras)** yang ingin tahu mengenai usaha kerajaan negeri dalam memajukan digital ekonomi yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.